

# - KOPI PAHIT

Doktor Hatta dalam tulisannya menyebut 50 tahun Gerakan Nasional Indonesia menyatakan bahawa Sukarno dari segala kesulitan ialah kerana kemurniaan cita-cita tidak ada lagi sedang kecurangan naik ke atas. Kerap kali terjadi bahawa pembentukan (penubuhan) pemerintah bukannya kerana pembahagian kerja atau tugas untuk keselamatan rakyat yang dikemukakan, tetapi yang dikemukakan ialah pembahagian rezeki. Benar Bung Hatta! Inilah yang menyebabkan rakyat memberontak kerana tidak tertahan lagi kepada keserongan-keserongan yang dilakukan yang diketuai oleh Sukarno sendiri. Hal ini perlu diketahui oleh Ahmad Boestamam yang telah menuduh orang yang memperjuangkan hak rakyat ini **petualang!**

\* \* \*

Langkah Ahmad Boestamam membidas orang-orang Indonesia yang memperjuangkan hak-hak mereka yang terpaksa diperjuangkan dengan darah itu sebenarnya tidak menghairankan kerana siapa yang dipertahankannya dan siapa yang dimusuhinya di Indonesia kan dah diketahui orang sana sini. Kerana itu tidaklah menghairankan kalau diketahui mengapa ia sendiri berat ke sebelah mana – Bung!

\* \* \*

Setiausaha Agung Nahdhatul Ulama' di Jakarta Tuan Haji Saifuddin Zahari di dalam kenyataannya hendak mengisytiharkan perang jihad terhadap orang-orang asing yang membantu pihak revolusioner yang menentang Komunis di Indonesia. Kalau ini boleh dijadikan jihad maka orang-orang terkenang kepada van Der Vlass yang menyeru jihad melawan umat Islam di Indonesia, orang Islam di sebelah Perancis mengisytiharkan jihad terhadap umat Islam

Algeria dan seterusnya. Tetapi yang terlebih tepat cara ini ialah umat Islam di negeri China (Komunis) mengisytiharkan jihad terhadap orang-orang yang melawan (Komunis) – berabai – kata orang Indonesia.

\* \* \*

Sukarno berpekik-pekik mengatakan bahawa ia bukan Komunis tetapi semua dunia mengetahui hal-hal di Indonesia sebenarnya ia berpengertian Komunis, dan sekarang-kurangnya orang yang diperalat oleh Komunis. Betul apa tidak, dong!

\* \* \*

Perkara pertunjukan sanggul di Kuala Lumpur telah jadi ribut. Keputusan pertama diubah kerana dapat kritik – satu bilang keputusan itu tidak tepat – sanggul yang menang tidak lebih dari sanggul yang kalah. Kalau hadiah telah diberikan kemudian keputusan diubah – wah! Tentunya yang menang akan berduka cita dan harus malu. Yang lebih ditakuti nanti terus ia potong rambut cara Perancis – baharu berabai – kata orang Jakarta.

\* \* \*

Soviet Russia mengisytiharkan bahawa mereka mengurangkan tenteranya. Sekali imbas ini bagus tetapi orang-orang tentunya bertanya pula siapakah yang boleh dipercayai akuan Russia.

\* \* \*

18 ahli-ahli jawatankuasa kecil penasihat raja-raja Melayu mengemukakan ke Majlis Raja-raja Melayu supaya buku “Ibadah Rasulullah” (SAW) diharamkan. Alasan tentunya ialah kerana buku itu menghalalkan ular, biawak dan lain-lainnya yang tidak sesuai dengan pendapat mereka. Ustaz Abu Bakar Al-Ash‘ari kalau ditanya beliau mengatakan bahawa yang menghalalkan itu bukannya beliau tetapi Allah. Jadi siapa benar – kata orang ramai. Untuk mengetahui benar salahnya terpulang kepada Raja-raja Melayu iaitu keadilan didirikan dengan mendengar keterangan kedua-dua pihak sebab agama Islam itu asasnya al-Quran dan al-Hadīth dan orang yang berpegang kepadanya tentu tidak akan sesat.

- Cemeti al-Farouk